

"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : KP(BPG)9026/800/10 (5)

Tarikh : 24 Jun 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN,

Tuan,

MAKLUMAN PROGRAM PENSIWAZAHAN GURU (PPG) MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) AMBILAN TAHUN 2013 DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-10

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan menawarkan Program Pensiwazahan Guru (PPG) yang akan dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara bagi Ambilan September 2013.
3. Program ini bertujuan memberi peluang kepada PPPLD meningkatkan kelayakan akademik ke peringkat ijazah sarjana muda di samping memenuhi dasar KPM iaitu 60% guru siswazah di sekolah rendah dan 90% guru siswazah di sekolah menengah menjelang tahun 2015.
4. PPPLD yang mengikuti pengajian ini akan ditaja yuran pengajiannya selama empat tahun dan diikat dengan perjanjian oleh pihak Kerajaan.
5. PPG ditawarkan kepada PPPLD yang sedang berkhidmat di Bahagian/ Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/ Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/ sekolah rendah/ sekolah menengah/ sekolah bantuan kerajaan di bawah kelolaan KPM yang memenuhi syarat dan kelayakan asas seperti berikut :
 - 5.1 warganegara Malaysia;
 - 5.2 PPPLD yang berumur 45 tahun (lahir pada 1968) dan ke bawah;
 - 5.3 PPPLD yang berumur 46 tahun (lahir pada 1967) hingga 47 tahun (lahir pada 1966) dan telah memilih opsyen bersara wajib 58 atau 60 tahun;

- 5.4 PPPLD yang berumur 48 tahun (lahir pada 1965) hingga 49 tahun (lahir pada 1964) dan telah memilih opsyen bersara wajib 60 tahun;
- 5.5 telah disahkan dalam jawatan pada lantikan pertama oleh **Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)**;
- 5.6 tidak berdaftar atau mengikuti sebarang pengajian dengan mana-mana universiti sebagai pelajar sepenuh masa/separuh masa/sambilan dengan tajaan KPM;
- 5.7 memiliki Diploma Pendidikan/Perguruan atau Sijil Perguruan;
- 5.8 mempunyai pengalaman mengajar sebagai guru terlatih secara berterusan lebih daripada tiga tahun;
- 5.9 mempunyai tahap kesihatan yang baik;
- 5.10 memperoleh purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik bagi tiga tahun terkini serta disokong oleh Ketua Jabatan;
- 5.11 bebas daripada tindakan mahkamah dan tatatertib;
- 5.12 PPPLD yang telah mengikuti PPG sebelum ini tetapi telah gagal dan diberhentikan daripada pengajian tidak layak untuk memohon

6. PPPLD yang telah menamatkan program ini akan kekal bertugas di Bahagian/ JPN/ PPD/ sekolah rendah/ sekolah menengah/ sekolah bantuan kerajaan di bawah kelolaan KPM. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon kerjasama tuan untuk memaklumkan perkara ini kepada gabungan serta ahli di bawah seliaan masing-masing bagi membolehkan PPPLD yang berminat serta berkelayakan membuat permohonan. Untuk maklumat lanjut dan tatacara permohonan, pemohon boleh melayari laman sesawang KPM di alamat <http://www.moe.gov.my> mulai 10 Jun 2013.

7. Sila hubungi talian berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 3, BLOK E13, PARCEL E
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

No. Telefon : 03-8884 1262/1226/1227/1228/1091

**URUS SETIA BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
CAWANGAN SABAH**

d/a Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya

Peti Surat 10491

88805 Kota Kinabalu, Sabah


No. Telefon : 088-236804

URUS SETIA BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
CAWANGAN SARAWAK
Jalan Kolej
93259 Kuching, Sarawak
No. Telefon : 082-258045

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD BHAZALI BIN AB. RAHMAN)
Bahagian Pendidikan Guru
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia